



BAHAGIAN BIOSEKURITI TUMBUHAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
(Department of Agriculture Malaysia)
ARAS 1 – 3, WISMA TANI
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50632 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2030 1400
Faks: 603-2691 3530 / 3550
Portal Rasmi : www.doa.gov.my

Ruj. Kami : JP.BBT.207/SKIP/350/A Jld 11 (5)

Tarikh : April 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

HEBAHAN PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN IMPORT DAN EKSPORT KELUARAN PERTANIAN (SISTEM AGROTRADE) FASA 1 – MODUL PERMOHONAN.

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah berkaitan dan dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Sistem Pengurusan Import dan Eksport keluaran pertanian (Sistem Agrotrade), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah disiapkan pada 30 Mac 2023 dan kini berada pada Fasa 1 iaitu Modul permohonan. Oleh itu, semua permohonan pengimportan komoditi pertanian perlu dibuat secara atas talian bermula pada 1 Mei 2023.

3. Antara permohonan-permohonan komoditi pertanian yang melibatkan Bahagian Biosekuriti Tumbuhan adalah seperti berikut :

- i. PB01- Permohonan Pengimportan Tumbuhan, Produk Tumbuhan dan Artikel Terkawal
- ii. PB02- Permohonan Pengimportan Tumbuhan, Produk Tumbuhan dan Artikel Terkawal (Bagi Tujuan Penyelidikan)
- iii. MOBO 01- Permohonan Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan
- iv. MOBO 02- Permohonan Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (Bagi Tujuan Penyelidikan)

4. Pemohon perlu membuat permohonan secara atas talian di <https://agrotrade.kpkm.gov.my> sebelum membuat permohonan di dalam sistem e-Permit.

Buat masa ini, hanya pemohon dari syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sahaja dibenarkan membuat permohonan di dalam sistem ini. Bagi pemohon individu pula, hanya permohonan bagi kategori Analisis Risiko Perosak (Pest Risk Analysis, PRA) dan Mikroorganisma dan Bahan Organan sahaja dibenarkan.

5. Bahagian ini juga mengambil maklum berkenaan pengesyoran dari Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk mengadakan sesi familiarisasi penggunaan sistem ini kepada pihak industri berkaitan.

ANDA KAMI UTAMAKAN



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015
NO. SIJIL : DSM 000565

6. Bersama-sama ini dilampirkan Hebahan Pelancaran Sistem Pengurusan Import dan Eksport Keluaran Pertanian (Sistem Agrotrade) Fasa 1- Modul Permohonan seperti di Lampiran 1. Semoga dengan penggunaan sistem yang telah dibangunkan ini dapat memudahkan pemohon untuk membuat permohonan serta penyemak status pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal.

7. Sekiranya tuan mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan lebih lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi talian 03-2030 1400 (Unit Kawalan Import dan Analisis Risiko Perosak) atau emelkan kepada unitimportpra@doa.gov.my. Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. ROSMAWATI BINTI SELAMAT)

Pengarah

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

b.p Ketua Pengarah Pertanian

Jabatan Pertanian

s.k :

- 1 . Ketua Pengarah Pertanian
2. Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)
3. Pengarah, Bahagian Perancangan Strategik
4. Timbalan Pengarah, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
5. Ketua Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Teknologi Maklumat dan Geospatial
6. Ketua Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Kawalan Import dan Penguatkuasaan Akta

Hebahan Pelancaran Sistem Pengurusan Import dan Eksport Keluaran Pertanian (Sistem AgroTrade) Fasa 1 -Modul Permohonan

Permohonan / Pendaftaran untuk mengimport komoditi pertanian perlu dibuat secara talian di Sistem AgroTrade bermula pada **1 Mei 2023**.

Komoditi yang memerlukan permohonan / pendaftaran adalah:

- i) **Tumbuhan / Produk Tumbuhan / Artikel Terkawal (Pest Risk Analysis (PRA))** (permohonan syarikat / individu);
- ii) **Mikroorganisma dan Bahan Organik (Baja Organik) (MOBO)** (permohonan syarikat / individu);
- iii) **Kubis bulat** (permohonan syarikat sahaja);
- iv) **Kelapa tua biji** (permohonan syarikat sahaja);
- v) **Ayam bulat / keratan ayam** (permohonan syarikat sahaja);
- vi) **Daging & offal lembu / kerbau / kambing / bebiri** (permohonan syarikat sahaja);
- vii) **Daging babi / pig suckling** (permohonan syarikat sahaja);
- viii) **Susu cair UHT / pasteurize** (permohonan syarikat sahaja);
- ix) **Susu cair berperisa** (permohonan syarikat sahaja); dan
- x) **Haiwan hidup (Lembu / kerbau / kambing / bebiri)** (permohonan syarikat sahaja).

Pemohon perlu membuat permohonan / pendaftaran secara talian di <https://agrotrade.kpkm.gov.my> sebelum membuat permohonan di dalam **Sistem e-Permit**. Buat masa ini, hanya pemohon dari syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sahaja yang boleh membuat permohonan di dalam sistem ini (kecuali bagi permohonan PRA dan MOBO, individu juga dibenarkan). Untuk sebarang pertanyaan, boleh diajukan kepada agrotrade@mafs.gov.my.

